Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Guru Besar, Guru Penolong Kanan, guru-guru dan rakan sekalian. Saya sebagai wakil murid, ingin **mengucapkan selamat menyambut Hari Guru** kepada semua guru di sekolah ini.

Hadirin sekalian,

Tarikh 16 Mei setiap tahun telah dipilih sebagai Hari Guru. Hari ini merupakan hari yang amat sesuai untuk kita mengadakan sambutan bagi mengenang dan menghargai jasa guru. Oleh itu marilah kita menghargai jasa guru.

Rakan-rakan sekalian,

Guru ialah insan yang mendidik,mengasuh dan membimbing kita hingga kita dapat mencapai kejayaan. Kesungguhan mereka mendidik kita amatlah besar nilainya dan wajar dikenang sepanjang hayat. Mereka tidak pernah jemu mengajar kita supaya kita dapat mengenal huruf, membaca dan mengira.

Guru juga adalah **ibu bapa kita di sekolah**.Oleh itu,kita mestilah menghormati guru.Segala nasihat guru mestilah kita dengar dan patuhi.Jangan sesekali kita abaikan segala nasihat mereka.

Rakan sekalian,

Guru adalah orang yang sering memberi **semangat kepada kita untuk rajin belajar**. Mereka sedia mendengar segala masalah yang kita tidak fahami dalam pelajaran. Oleh itu guru adalah pendidik yang sangat berdedikasi semasa mengajar kita di sekolah

Sesungguhnya **jasa guru tidak ternilai harganya**. Guru ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi orang lain. Wahai para guru yang kami sayangi, jutaan terima kasih kami ucapkan kerana tidak pernah jemu mendidik kami dengan sabar .

Sekian, terima kasih.